



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PENGIKLANAN UNTUK  
PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL  
DAN KOMPLEMENTARI**

**CAWANGAN INSPEKTORAT DAN PENGUATKUASAAN  
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**

**2025**

## ISI KANDUNGAN

<b>1. PENGENALAN</b> .....	1
<b>2. OBJEKTIF</b> .....	2
<b>3. SKOP</b> .....	3
3.1. Pemakaian Garis Panduan.....	3
3.2. Tidak Terpakai.....	4
<b>4. DEFINISI</b> .....	5
4.1. Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) .....	5
4.2. Iklan .....	5
<b>5. PRINSIP AM PENGIKLANAN DAN PROMOSI PERKHIDMATAN PT&amp;K</b> .....	5
<b>6. LARANGAN PENGIKLANAN</b> .....	7
6.1. Larangan Membuat Pernyataan Palsu atau yang Mengelirukan.....	7
6.2. Larangan Terhadap Iklan yang Berhubungan dengan Kemahiran atau Perkhidmatan PT&K.....	9
6.3. Larangan Berkaitan Penggunaan Gelaran dan Singkatan yang Dilarang oleh Pengamal PT&K Berdaftar .....	11
6.4. Larangan Berkaitan Penggunaan Terma atau Istilah yang Tidak Dibenarkan untuk Nama Perniagaan/ Syarikat atau Nama Premis/ Fasiliti bagi Amalan dan Perkhidmatan PT&K.....	15
6.5. Larangan Terhadap Testimonial dan Penggunaan Selebriti dalam Pengiklanan dan Promosi Perkhidmatan PT&K.....	17
6.6. Pengiklanan Harga dan Promosi .....	20
<b>7. PENGIKLANAN YANG DIBENARKAN</b> .....	22
<b>8. PELAPORAN KETIDAKPATUHAN</b> .....	23
<b>9. PENUTUP DAN PEMATUHAN BERTERUSAN</b> .....	24
<b>10. RUJUKAN</b> .....	25

## 1. PENGENALAN

Pengiklanan dan promosi adalah suatu medium dan platform yang signifikan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai sesuatu perkhidmatan atau produk yang ditawarkan. Dalam konteks pengiklanan dan promosi yang berkaitan dengan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K), pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K lazimnya membuat pengiklanan dan promosi berhubung perkhidmatan yang ditawarkan untuk menarik perhatian pengguna dan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan.

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, medium dan platform pengiklanan dan promosi terus berkembang dan semakin meluas. Segala maklumat kini dapat dicapai di hujung jari sahaja, yang tidak terhad melalui medium konvensional seperti media cetak, radio dan televisyen.

Namun, dalam kepelbagaian dan kerancangan pengiklanan dan promosi perkhidmatan PT&K yang terdapat dan disiarkan dalam pelbagai medium dan platform, sama ada yang bercetak, fizikal, mahupun elektronik dan media baharu, terdapat segelintir pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K, serta pihak berkepentingan lain yang telah mengambil kesempatan dengan membuat dan menyiarkan iklan dan promosi berkaitan perkhidmatan PT&K yang mengandungi pernyataan palsu atau yang mengelirukan, serta mengandungi tuntutan kesihatan dan perubatan yang melampau, yang menyalahi perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, Garis Panduan Pengiklanan untuk Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari ini disediakan sebagai rujukan kepada pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K, serta pihak berkepentingan lain dalam memastikan supaya sebarang pengiklanan dan promosi yang dihasilkan dan disiarkan adalah mematuhi kerangka perundangan sedia ada. Ini sekaligus dapat melindungi pengguna dan orang ramai daripada mendapat maklumat yang tidak tepat dan tidak jelas berhubung perkhidmatan PT&K, selain dapat memperkasakan nilai etika, profesionalisme dan integriti pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K agar sentiasa bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti kepada rakyat.

## 2. OBJEKTIF

Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk memastikan pengiklanan dan promosi perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf di Malaysia adalah benar, tepat dan tidak mengelirukan orang ramai serta mematuhi perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

Garis panduan ini dibangunkan untuk melindungi pengguna daripada maklumat palsu atau tidak berasas, sekali gus mempromosikan amalan pengiklanan yang beretika dan bertanggungjawab dalam sektor perkhidmatan PT&K. Dengan mematuhi garis panduan ini, pengamal PT&K dapat menyumbang kepada kredibiliti dan profesionalisme sektor perkhidmatan PT&K.

Garis panduan ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K mengenai jenis pengiklanan dan promosi yang dibenarkan dan dilarang, selaras dengan peruntukan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*] dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*] serta perundangan lain yang sedang berkuat kuasa.

Di bawah Akta 775, terdapat tujuh (7) bidang amalan diiktiraf iaitu:

- (i) Perubatan Tradisional Melayu;
- (ii) Perubatan Tradisional Cina;
- (iii) Perubatan Tradisional India;
- (iv) Homeopati;
- (v) Osteopati;
- (vi) Kiropraktik; dan
- (vii) Amalan Pengubatan Islam.

### 3. SKOP

#### 3.1. Pemakaian Garis Panduan

Garis panduan ini merangkumi **pengiklanan dan promosi kemahiran dan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf sahaja**, termasuk:

- (i) **Pengiklanan dan promosi perkhidmatan secara langsung** seperti iklan tawaran/ promosi perkhidmatan PT&K dalam surat khabar, televisyen, radio, risalah edaran, buku, serta media elektronik/ internet termasuk platform media sosial (contohnya *Facebook, Instagram, TikTok*) dan aplikasi pesanan (contohnya *WhatsApp, Telegram*) dan dalam apa-apa bentuk media yang boleh menyiarkan iklan melalui visual atau bunyi kepada orang ramai.
- (ii) **Sebarang kandungan digital umum** yang disiarkan dalam platform digital milik pengamal atau fasiliti PT&K (seperti media sosial, blog atau laman web rasmi) walaupun bukan iklan berbayar, yang bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan atau menarik perhatian orang ramai, juga tertakluk kepada prinsip dan larangan dalam garis panduan ini.
- (iii) **Penggunaan nama perniagaan/ syarikat atau nama premis/ fasiliti PT&K** yang akan menjadi satu iklan apabila dinyatakan dalam kad nama, papan tanda perniagaan, notis, risalah, dokumen perniagaan seperti invois dan sebagainya juga boleh ditafsirkan sebagai pengiklanan.
- (iv) **Penggunaan gelaran dan singkatan** oleh pengamal berdaftar dalam kad nama, papan tanda dan dalam medium atau platform pengiklanan dan promosi yang lain, sama ada secara fizikal atau dalam media baharu.

### 3.2. Tidak Terpakai

Garis panduan ini tidak terpakai terhadap:

- (i) Pengumuman yang disiarkan oleh agensi kerajaan persekutuan atau negeri, pihak berkuasa tempatan, fasiliti kesihatan kerajaan, atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh Menteri Kesihatan.
- (ii) Pengiklanan dan promosi bagi bidang amalan PT&K yang tidak dikawal selia di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775].
- (iii) Pengiklanan dan promosi terhadap penjualan produk ubat tradisional, kerana ia dikawal selia di bawah seksyen 3 dan 4B, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290]. Butiran lanjut berhubung kawalan iklan bagi produk yang sedemikian boleh diperolehi daripada Akta yang berkenaan dan garis panduannya di laman web Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia, iaitu [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my).
- (iv) Pengiklanan dan promosi peranti perubatan yang mengandungi tuntutan diagnosis, pencegahan atau rawatan kesihatan, kerana ia dikawal selia di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737]. Orang ramai serta pengamal boleh merujuk kepada laman web Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia di [www.mda.gov.my](http://www.mda.gov.my).

## 4. DEFINISI

### 4.1. Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K)

Suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu dan termasuk amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, amalan pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pergigian yang berdaftar (Seksyen 3, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775]).

### 4.2. Iklan

Iklan termasuk sebarang notis, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain dan sebarang pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan cara menerbitkan atau mengeluarkan cahaya atau bunyi (Seksyen 2, Akta Ubat (Iklan & Jualan) 1956 [Akta 290]).

## 5. PRINSIP AM PENGIKLANAN DAN PROMOSI PERKHIDMATAN PT&K

Pengiklanan dan promosi untuk perkhidmatan PT&K bukan sahaja perlu mematuhi perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa, malah harus sentiasa berlandaskan etika dan profesionalisme yang tinggi. Setiap pengiklanan dan promosi adalah refleksi kepada integriti pengamal dan kredibiliti sektor perkhidmatan PT&K secara keseluruhannya. Oleh itu, pengamal PT&K dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua iklan adalah:

- (i) Benar, tepat dan tidak mengelirukan dalam apa jua keadaan.

- (ii) Tidak membuat tuntutan yang tidak berasas atau tidak disokong oleh bukti yang kukuh.
- (iii) Tidak mengeksploitasi ketakutan, kebimbangan atau kesakitan orang awam.
- (iv) Tidak memburukkan atau menyentuh sensitiviti amalan perubatan lain atau profesional lain.
- (v) Mematuhi semua perundangan berkaitan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.
- (vi) Mematuhi **Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K**. Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K merupakan suatu piawai amalan mandatori yang ditetapkan oleh Majlis PT&K dan hendaklah dipatuhi oleh pengamal berdaftar. Dokumen ini boleh diakses melalui laman web Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (vii) Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kandungan pengiklanan dan promosi yang diterbitkan atas nama atau bagi pihak mereka, termasuk yang dihasilkan oleh pihak ketiga.
- (viii) Pengamal hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] dan perundangan lain yang berkaitan apabila mengumpul atau memproses sebarang maklumat peribadi individu untuk tujuan pengiklanan atau pemasaran.

## 6. LARANGAN PENGIKLANAN

### 6.1. Larangan Membuat Pernyataan Palsu atau yang Mengelirukan

Larangan ini adalah merujuk kepada subseksyen 33(1) dan (2), Akta 775 yang menyatakan bahawa:

#### *“Pengiklanan dan promosi*

*33. (1) Pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa pernyataan palsu dalam apa-apa iklan, jurnal, artikel, risalah, laman web atau media komersil berkenaan dengan khasiat penyembuhan, perubatan atau kesihatan apa-apa perkhidmatan PT&K yang disediakan oleh pengamal berdaftar.*

*(2) Pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan PT&K dengan tujuan untuk mendorong, mempengaruhi atau menyebabkan seseorang pesakit membuat kontrak untuk membeli perkhidmatan itu.”*

#### 6.1.1. Definisi "Pernyataan Mengelirukan"

Dalam subseksyen 33(2), Akta 775 terdapat terma “pernyataan mengelirukan” yang mana definisi terma tersebut telah dinyatakan dalam subseksyen 33(4), Akta 775 seperti yang berikut:

#### *“Pengiklanan dan promosi*

*33. (1)...*

*(2)...*

(3)...

(4) *Bagi maksud seksyen ini, "pernyataan mengelirukan" ertinya apa-apa perbuatan yang berkemungkinan mengelirukan orang ramai —*

(a) *tentang sifat, ciri-ciri, kesesuaian bagi tujuan, atau kuantiti, perkhidmatan yang diberikan;*

(b) *bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah dari jenis standard, kualiti atau kuantiti tertentu;*

(c) *dengan mengiklankan bahawa perkhidmatan yang disediakan adalah bagi penyakit-penyakit tertentu yang disenaraikan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290];*

(d) *bahawa perkhidmatan diberikan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang dengan kebolehan, kelayakan atau kemahiran tertentu; atau*

(e) *tentang harga bagi perkhidmatan yang diberikan."*

Justeru itu, pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah dilarang untuk membuat sebarang pernyataan palsu atau yang mengelirukan berhubung amalan dan perkhidmatan PT&K dalam semua pengiklanan dan promosi yang dihasilkan dan disiarkan dalam semua platform.

### 6.1.2. Implikasi Kesalahan

Implikasi kesalahan adalah seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 33(3), Akta 775 seperti yang berikut:

#### *“Pengiklanan dan promosi*

**33.** (1)...

(2)...

(3) *Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —*

(a) *berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan*

(b) *berkenaan dengan kesalahan yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*

### 6.2. Larangan Terhadap Iklan yang Berhubungan dengan Kemahiran atau Perkhidmatan PT&K

Pengamal PT&K adalah dilarang daripada melibatkan diri dalam sebarang penyiaran iklan yang berhubungan dengan kemahiran atau perkhidmatan PT&K. Larangan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290] seperti yang berikut:

***“Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan kemahiran atau perkhidmatan***

*4A. Tertakluk kepada Akta ini, tiada seorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan —*

*(a) yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang berhubungan dengan rawatan, pencegahan atau diagnosis bagi apa-apa ailmn, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia; dan*

*(b) yang dapat mendorong, atau yang mengandungi pelawaan, sama ada nyata atau tersirat, kepada, mana-mana orang untuk mendapatkan nasihat pengiklan atau mana-mana orang yang dirujuk dalam iklan itu berkaitan dengan kemahiran atau perkhidmatan itu:*

*Dengan syarat bahawa seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa iklan yang disiarkan —*

*(aa) dengan kelulusan Menteri, oleh mana-mana badan profesional yang berhubungan dengan profesion perubatan atau dengan mana-mana profesion berkaitan yang lain yang ditubuhkan oleh atau didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau*

*(bb) dengan kelulusan Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan oleh Menteri, oleh mana-mana hospital swasta atau oleh mana-mana —*

*(i) klinik swasta;*

(ii)  *klinik radiologi swasta;*

(iii)  *makmal perubatan swasta,*

*yang dikendalikan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang sah di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].”*

Pada masa ini, Lembaga Iklan Ubat hanya memproses permohonan kelulusan iklan daripada hospital swasta, klinik swasta, klinik radiologi swasta dan makmal perubatan swasta yang dikendalikan oleh pengamal perubatan berdaftar yang memiliki sijil amalan tahunan di bawah Akta Perubatan 1971.

#### **6.2.1. Implikasi Kesalahan**

Bagi sabitan pertama untuk kesalahan di bawah seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290], pengamal boleh dikenakan hukuman di bawah subseksyen 5(1), Akta yang sama, iaitu denda tidak lebih daripada RM3,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi sabitan yang berikutnya pula, pengamal boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada RM5,000.00, atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

#### **6.3. Larangan Berkaitan Penggunaan Gelaran dan Singkatan yang Dilarang oleh Pengamal PT&K Berdaftar**

Perkara berkenaan gelaran dan singkatan yang digunakan oleh pengamal PT&K berdaftar telah diperuntukkan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang seperti yang berikut:

**(i) Subseksyen 29(3) dan (4), Akta 775**

***“Penggunaan gelaran dan singkatan***

*29. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), pengamal berdaftar boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan untuk menunjukkan kelayakan atau kedudukannya.*

*(2) Apa-apa gelaran atau singkatan, yang digunakan oleh pengamal berdaftar, melainkan jika pengamal berdaftar itu juga seorang pengamal perubatan atau pengamal pergigian, tidak boleh menyebabkan orang ramai mempercayai bahawa pengamal berdaftar itu berkelayakan untuk mengamal perubatan atau menjalankan pembedahan di bawah Akta Perubatan 1971 atau menjalankan amalan pergigian di bawah Akta Pergigian 1971.*

***(3) Majlis hendaklah menentukan dan menyiarkan suatu senarai gelaran dan singkatan yang dilarang melalui pemberitahuan dalam Warta.***

***(4) Pengamal berdaftar tidak boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan yang dilarang oleh Majlis di bawah subseksyen (3).***

*(5) Jika seseorang pengamal berdaftar didapati menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan yang dilarang yang ditentukan di bawah subseksyen (3), Majlis boleh meletakkan pengamal itu dalam suatu daftar senarai pemerhatian.*

(6) Jika dalam masa dua puluh empat bulan seseorang pengamal diletakkan dalam daftar senarai pemerhatian, pengamal itu menggunakan suatu gelaran atau singkatan yang dilarang, Majlis hendaklah membatalkan pendaftaran pengamal itu.”

**(ii) Pemberitahuan Gelaran dan Singkatan yang Dilarang [P.U. (B) 222/2022]**

“PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 29(3) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775], Majlis menentukan bahawa gelaran yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual dan singkatan yang dinyatakan dalam ruang (2) dilarang untuk digunakan oleh pengamal berdaftar bagi bidang amalan diiktiraf berkuat kuasa mulai 15 April 2022.

*JADUAL/ SCHEDULE*

<i>(1)</i>	<i>(2)</i>
<i>Gelaran yang dilarang/ Prohibited titles</i>	<i>Singkatan yang dilarang/ Prohibited abbreviations</i>
<i>Doktor/Doctor</i>	<i>Dr atau Dr./Dr or Dr.”</i>
<i>Pengamal Perubatan/ Medical Practitioner</i>	
<i>Pegawai Perubatan/ Medical Officer</i>	
<i>Perunding Perubatan/ Medical Consultant</i>	

*JADUAL/ SCHEDULE*

*(1)*

*Gelaran yang dilarang/  
Prohibited titles*

*(2)*

*Singkatan yang dilarang/  
Prohibited abbreviations*

*Pakar perubatan/Physician*

*Pakar Perunding/  
Consultant Specialist*

**6.3.1. Implikasi Kesalahan**

Jika seseorang pengamal berdaftar didapati menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan yang dilarang seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 29(3), Akta 775, jika sabit kesalahan, pengamal berdaftar tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib iaitu seperti yang berikut:

- (i) Majlis PT&K boleh meletakkan pengamal itu dalam suatu daftar senarai pemerhatian, seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 29(5) Akta 775; dan
- (ii) Jika pengamal masih menggunakan suatu gelaran atau singkatan yang dilarang dalam masa 24 bulan pengamal diletakkan dalam daftar senarai pemerhatian, Majlis PT&K hendaklah membatalkan pendaftaran pengamal itu, seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 29(6) Akta 775.

### **6.3.2. Gelaran yang Boleh Digunakan**

Pengamal PT&K berdaftar dibenarkan menggunakan gelaran yang dikenali umum dalam bidang PT&K seperti "Sinseh", "Tabib", "Acupuncturist" atau lain-lain gelaran yang tidak mengelirukan.

### **6.4. Larangan Berkaitan Penggunaan Terma atau Istilah yang Tidak Dibenarkan untuk Nama Perniagaan/ Syarikat atau Nama Premis/ Fasilitas bagi Amalan dan Perkhidmatan PT&K**

Pengamal atau pengendali perkhidmatan PT&K perlu berwaspada dalam menggunakan apa-apa terma atau istilah untuk nama perniagaan/ syarikat atau nama premis/ fasilitas PT&K. Penggunaan apa-apa terma atau istilah bagi maksud nama perniagaan/ syarikat atau nama premis/ fasilitas PT&K perlu mematuhi perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang dikenakan ke atas pengamal atau pengendali perkhidmatan PT&K

#### **6.4.1. Terma atau Istilah yang Tidak Dibenarkan**

Penggunaan terma atau istilah "klinik" atau "dispensari" atau "hospital" atau istilah yang memberi makna yang sama dalam nama perniagaan/ syarikat atau nama premis/ fasilitas PT&K merupakan satu kesalahan di bawah perenggan 33(1)(f), Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*]. Perkara ini juga turut terkandung dalam Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K dan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 35(2), Akta 775, pengamal berdaftar hendaklah mematuhi piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan.

Dalam konteks yang sama, pengamal juga tidak dibenarkan menggunakan terma atau istilah "*Pharmacist*", "*Chemist*", "*Druggist*" dan istilah yang serupa makna dalam nama perniagaan/ syarikat nama premis/ fasilitas PT&K kerana ianya terhad untuk kegunaan oleh Ahli

Farmasi berdaftar di bawah seksyen 7, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [*Akta 371*]. Perkara ini juga turut terkandung dalam Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K.

**(i) Implikasi Kesalahan**

Berdasarkan subseksyen 35(3), Akta 775, ketidakpatuhan terhadap piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan amalan iaitu Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K, boleh menyebabkan pengamal berdaftar dikenakan tindakan tatatertib dan pembatalan pendaftaran pengamal berdaftar.

Seterusnya, perbuatan menggunakan terma atau istilah yang tidak dibenarkan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 33(1), Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] boleh menjadi suatu kesalahan dan apabila disabitkan, berkenaan dengan kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan berkenaan dengan kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi perbuatan menggunakan terma atau istilah yang tidak dibenarkan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [*Akta 371*], mana-mana orang yang bertindak melanggar seksyen ini adalah bersalah dan boleh dikenakan hukuman di bawah subseksyen 7(4), Akta yang sama, iaitu jika disabitkan oleh mahkamah sesyen, boleh dikenakan penalti tidak melebihi lima ratus ringgit, dan penalti lebih lanjut sebanyak lima puluh ringgit untuk setiap hari yang mana kesalahan itu adalah berterusan dilakukan.

#### **6.4.2. Nama Perniagaan/ Syarikat atau Nama Premis/ Fasiliti yang Boleh Digunakan**

Undang-undang semasa tidak melarang penggunaan nama yang biasa digunakan oleh pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K seperti:

*“Pusat Rawatan Perubatan Tradisional Melayu/ Cina/ India/ Homeopati/ Komplementari dan sebagainya.”*

Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah dinasihatkan dan disarankan untuk sentiasa berwaspada dalam menetapkan nama yang sesuai agar berlandaskan perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

#### **6.5. Larangan Terhadap Testimonial dan Penggunaan Selebriti dalam Pengiklanan dan Promosi Perkhidmatan PT&K**

##### **6.5.1. Testimonial**

Penggunaan testimonial daripada pesakit dalam apa-apa bentuk media pengiklanan dan promosi adalah tidak dibenarkan kerana ia merupakan satu dorongan yang tersirat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Perkara ini adalah berdasarkan seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*] dan turut terkandung dalam Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K.

Dalam pada itu, pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah disarankan untuk mengelak daripada menggunakan testimonial pesakit yang berkaitan dengan rawatan atau perkhidmatan kesihatan atau PT&K seperti yang berikut:

- (i) Testimonial pesakit berkaitan rawatan perkhidmatan dan kemahiran berkaitan rawatan, pencegahan atau diagnosis

sesuatu penyakit atau keadaan tubuh badan manusia yang diterima.

- (ii) Testimonial tentang kemahiran dan kepakaran pengamal PT&K yang memberikan rawatan/ perkhidmatan tersebut.

Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K juga perlu memastikan agar tiada sebarang imej atau maklumat yang boleh mengenal pasti pesakit yang digunakan di dalam iklan tanpa kebenaran bertulis yang jelas daripada pesakit, demi menjaga dan memelihara kerahsiaan serta privasi mereka.

#### **6.5.2. Penggunaan Selebriti**

Penggunaan selebriti untuk mempromosi perkhidmatan PT&K adalah dilarang. Contoh selebriti adalah termasuk pelakon popular, penyanyi, model tempatan atau antarabangsa, pempengaruh (influencer), ahli sukan dan juga ahli profesional (seperti pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar) yang digunakan untuk tujuan pengiklanan dan promosi. Peruntukan ini adalah seperti yang terkandung dalam Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K.

Dalam pada itu, pengesahan (endorsement) atau sokongan daripada selebriti berkaitan rawatan atau perkhidmatan kesihatan seperti berikut juga adalah tidak dibenarkan:

- (i) Pengesahan (endorsement) atau sokongan daripada selebriti mengenai rawatan, perkhidmatan dan kemahiran berkaitan rawatan, pencegahan atau diagnosis sesuatu penyakit atau keadaan tubuh badan manusia yang diterima.

- (ii) Pengesahan (endorsement) atau sokongan daripada selebriti mengenai kemahiran dan kepakaran pengamal PT&K yang memberikan rawatan/ perkhidmatan tersebut.

### **6.5.3. Implikasi Kesalahan**

Penggunaan testimonial dan selebriti dalam pengiklanan dan promosi yang dilarang adalah satu ketidakpatuhan terhadap piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan iaitu Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K yang telah ditetapkan oleh Majlis PT&K di bawah subsekyen 35(1) Akta 775. Jika sabit kesalahan, pengamal berdaftar tersebut boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 35(3), Akta yang sama iaitu boleh menyebabkan pengamal berdaftar dikenakan tindakan tatatertib dan pembatalan pendaftaran pengamal berdaftar.

### **6.5.4. Testimonial dan Penggunaan Selebriti yang Boleh Digunakan**

Contoh testimonial pesakit yang dibenarkan adalah bagi tujuan promosi fasiliti PT&K yang mana pesakit memberikan testimonial berkenaan fasiliti PT&K tersebut seperti kebersihan fasiliti PT&K, hospitaliti atau layanan staf fasiliti PT&K yang ramah mesra dan sopan, persekitaran fasiliti PT&K yang kondusif dan lain-lain.

Contoh penggunaan selebriti yang dibenarkan adalah bagi tujuan promosi fasiliti PT&K yang mana selebriti A, sebagai duta fasiliti PT&K, memperkenalkan fasiliti PT&K tersebut seperti kebersihan fasiliti PT&K, hospitaliti dan layanan staf fasiliti PT&K yang ramah mesra dan sopan, persekitaran fasiliti PT&K yang kondusif dan lain-lain.

Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah dinasihatkan dan disarankan untuk sentiasa berwaspada dalam meletakkan sebarang testimonial atau penggunaan selebriti untuk pengiklanan dan promosi

perkhidmatan PT&K agar berlandaskan perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

## 6.6. Pengiklanan Harga dan Promosi

Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K perlu memastikan pengiklanan yang berkaitan dengan harga atau promosi adalah:

- (i) **Telus dan Jelas:** Semua harga yang diiklankan mestilah jelas, muktamad dan merangkumi semua caj wajib tanpa sebarang kos yang tersembunyi.
- (ii) **Syarat Promosi:** Jika menawarkan diskaun, pakej atau promosi lain, syarat dan terma yang berkaitan (contohnya, tempoh sah, perkhidmatan yang dilindungi atau syarat kelayakan) mestilah dinyatakan dengan jelas dan mudah difahami.
- (iii) **Tiada Taktik Pancingan:** Dilarang sama sekali menggunakan taktik pengiklanan yang bertujuan untuk memancing pesakit dengan tawaran harga yang menarik, kemudian mendesak mereka untuk mengambil perkhidmatan yang lebih mahal atau tidak diperlukan.

Hal ini amat penting bagi mengelakkan sebarang perbuatan yang berkemungkinan mengelirukan orang ramai, pengguna dan pesakit dengan tawaran harga dan promosi yang disediakan oleh pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K.

### 6.6.1. Implikasi Kesalahan

Penjelasan berkenaan dengan pengiklanan dan promosi berkaitan harga bagi perkhidmatan yang diberikan adalah seperti yang dinyatakan dalam maksud “pernyataan mengelirukan”, iaitu apa-apa perbuatan yang berkemungkinan mengelirukan orang ramai seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 33(4)(e), Akta 775.

Penjelasan tersebut adalah merujuk kepada subseksyen 33(2), Akta 775 dan mana-mana orang yang melanggar subseksyen ini, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman di bawah subseksyen 33(3), Akta 775 iaitu:

- (a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) berkenaan dengan kesalahan yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## 7. PENGIKLANAN YANG DIBENARKAN

Secara umumnya, pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K dibenarkan untuk mengiklankan perkhidmatan PT&K dengan mematuhi prinsip-prinsip etika dan perundangan sedang berkuat kuasa. Pengiklanan yang dibenarkan adalah bertujuan untuk **memberikan maklumat yang jelas dan objektif** kepada orang ramai mengenai perkhidmatan PT&K yang ditawarkan.

Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K yang membuka fasiliti perkhidmatan PT&K yang baharu, atau ingin memaklumkan berkenaan sebarang pengemaskinian atau perubahan maklumat adalah dibenarkan untuk memberikan notis tentang butiran seperti yang berikut:

- (i) Nama fasiliti amalan.
- (ii) Waktu operasi perkhidmatan.
- (iii) Alamat pengamalan.
- (iv) Lokasi (contoh: mercu tanda berdekatan).
- (v) Nombor pendaftaran pengamal.
- (vi) Bidang amalan PT&K yang diiktiraf.
- (vii) Nombor telefon dan faks.
- (viii) Alamat e-mel.
- (ix) Laman web rasmi.
- (x) Gambar pengamal PT&K (profesional dan sesuai).

Selain itu, pengiklanan yang bersifat informatif dan pendidikan juga adalah digalakkan, namun perlu dipastikan bahawa kandungan iklan tersebut tidak membuat sebarang tuntutan rawatan atau penyembuhan yang dilarang serta mematuhi Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*], Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*] dan perundangan lain yang berkaitan. Misalnya, perkongsian maklumat umum mengenai faedah amalan dan perkhidmatan PT&K atau tips kesihatan yang berdasarkan bukti saintifik kukuh.

Pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K, terutamanya dalam aspek pengiklanan dan profesionalisme, dalam membuat sebarang bentuk pengiklanan dan promosi berkaitan perkhidmatan PT&K.

## 8. PELAPORAN KETIDAKPATUHAN

Orang ramai atau pengamal yang mendapati bahawa terdapat sebarang bentuk pengiklanan dan promosi berkenaan amalan dan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf yang melanggar undang-undang seperti yang dijelaskan dalam garis panduan ini atau perundangan lain yang berkaitan adalah digalakkan untuk membuat laporan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia (SISPAA KKM) di <https://moh.spab.gov.my/>.

Untuk melaporkan ketidakpatuhan tersebut, sila sertakan maklumat-maklumat seperti yang berikut:

- (i) Butiran Iklan:** Jenis iklan (contoh: sama ada dalam media sosial, papan tanda atau risalah), platform, tarikh dilihat dan salinan atau tangkapan skrin (jika ada). Bagi iklan yang disiarkan dalam platform digital seperti dalam laman web atau media sosial, sila sertakan pautan untuk mengakses ke laman tersebut dalam butiran iklan yang ingin dilaporkan.
- (ii) Butiran Pengamal/ Fasiliti:** Nama fasiliti amalan atau nama pengamal PT&K yang terlibat, alamat, dan nombor telefon untuk dihubungi (jika diketahui).
- (iii) Jenis Pelanggaran:** Huraian ringkas mengenai pelanggaran yang disyaki.

Hal ini penting agar tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Kerjasama anda amat dihargai dalam sama-sama memastikan pengiklanan dan promosi perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah berlandaskan undang-undang sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

## 9. PENUTUP DAN PEMATUHAN BERTERUSAN

Garis panduan ini adalah dokumen dinamik yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Ia dihasilkan berpandukan perundangan semasa yang berkaitan dengan pengiklanan dan promosi perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf, khususnya Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*] dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*].

Memandangkan peruntukan perundangan ini sentiasa dipinda bagi memastikan pengukuhan dan pemerkasaan kerangka pengawalseliaan dan penguatkuasaan pengiklanan dan promosi perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K untuk sentiasa merujuk kepada dokumen yang terkini. Ini bagi memastikan amalan dan perkhidmatan PT&K di Malaysia dilaksanakan adalah selaras dan mematuhi perundangan yang sedang berkuat kuasa. Pematuhan berterusan adalah kunci kepada profesionalisme dan kepercayaan awam terhadap sektor perkhidmatan PT&K.

Garis panduan ini juga turut merangkumi bentuk pengiklanan dan promosi yang baharu dan akan datang, termasuk yang melibatkan teknologi terkini yang terus berkembang maju. Oleh itu, pengamal dan pengendali perkhidmatan PT&K dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada dan memastikan agar setiap pengiklanan dan promosi yang dihasilkan dan disiarkan adalah menjunjung prinsip kejujuran, ketepatan dan tidak mengelirukan, serta sentiasa mematuhi peruntukan perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa, tanpa mengira medium atau platform yang digunakan.

Pengamal juga digalakkan untuk terus melibatkan diri dalam sebarang program pembangunan profesional dan mengikuti program latihan atau bengkel yang berkaitan seperti etika dalam pemasaran dan pematuhan kepada perundangan yang terkini.

## 10. RUJUKAN

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*]

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*]

Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*]

Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [*Akta 371*]

Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*]

Pemberitahuan Gelaran dan Singkatan yang Dilarang [P.U. (B) 222/2022]

Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K



**Diterbitkan oleh:**

**CAWANGAN INSPEKTORAT DAN PENGUATKUASAAN  
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**

**Blok E, Jalan Cenderasari**

**50590 Kuala Lumpur**

**☎ 03 - 2279 8100 | ✉ tcm@moh.gov.my**

**🌐 [www.moh.gov.my/tcm](http://www.moh.gov.my/tcm)**

**f Bahagian Perubatan Tradisional  
dan Komplementari, KKM**

**🎵 bptk\_kkm**